

Panik sorok bawah singki

Metro 3/8/12
MS 35.

Wanita asing tawar seks diserbu pihak berkuasa

FOTO | Mohd Khairul Helmy Mohd Din

>>Oleh Iskandar Shah
Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

MELAKA: Akibat terlalu panik, beberapa wanita asing berpakaian seksi disyaki menawarkan khidmat seks di sebuah pusat hiburan di Bandar Hilir di sini, nekad bersembunyi di sebalik sofa dan bawah singki sejeurus menyedari kehadiran pihak berkuasa, malam kelmarin.

Tidak cukup dengan itu, ada antara mereka berpura-pura dan 'berlakon' kononnya sebagai warga tempatan serta datang ke premis berkenaan bersama pasangan masing-masing.

Keadaan itu menyebabkan berlaku sedikit provokasi dan kekecohan namun berjaya dikawal sepenuhnya anggota penguat kuasa bertugas yang menahan mereka untuk tindakan lanjut.

Perkara itu dibongkar sepasukan 18 pegawai dan anggota Jabatan Imigresen negeri yang melancarkan Ops Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin (6P), bermula kira-kira jam 10 malam.

Dalam operasi itu, seramai 35 wanita asing berusia 22 hingga 35 tahun ditahan kerana melakukan



BERKAS...antara wanita warga asing yang ditahan dalam operasi dilancarkan Jabatan Imigresen.

kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Timbalan Pengarah Imigresen negeri, Mohammad Azlan Jawawi berkata, berdasarkan hasil risikan, pihaknya percaya semua wanita asing yang bekerja di premis itu turut menawarkan khidmat seks kepada pelanggan pada harga RM150.

“Mereka dipercayai akan membuat rundingan atau perbincangan dengan pelanggan untuk melakukan perbuatan tidak bermoral itu di tempat lain.

“Semua wanita yang ditahan terdiri daripada 19 warga China, 11 Vietnam, tiga Filipina dan dua warga Indonesia,” katanya pada sidang media selepas operasi itu, semalam.

Menurut beliau, siasatan

**“Mereka
dipercayai akan
membuat
rundingan atau
perbincangan
dengan
pelanggan untuk
melakukan
perbuatan tidak
bermoral itu
di tempat lain”**

>Mohammad Azlan Jawawi

lanjut pihaknya mendapati semua wanita itu rata-ratanya menyalahgunakan pas lawatan sosial dengan be-

kerja di negara ini.

“Kita menjalankan pemeriksaan ke atas 20 wanita asing dan 15 daripada mereka didapati melakukan kesalahan itu dan ditahan bagi membantu siasatan,” katanya.

Kata Azlan, objektif utama serbuan seumpama itu bertujuan menguatkuasakan lagi Ops 6P terutama menjelang musim perayaan.

“Kita akan menjalankan operasi seumpama ini secara berterusan bagi memastikan warga asing yang berada di negara ini mematuhi peraturan atau undang-undang ditetapkan,” katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my